

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 OCTOBER 2016

PROJEK LEBIH RM500 JUTA

Kerajaan setuju Ketua Audit, SPRM pantau

BH - 12/10/2016

➔ Pasukan petugas dibentuk elak ketirisan, salah guna kuasa

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersetuju semua projek kerajaan membabitkan kos RM500 juta ke atas disertai Ketua Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengelakkan ketirisan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata Ketua Audit Negara dan SPRM juga bersedia untuk terbabit dalam pengurusan projek berkenaan, seperti yang dilaksanakan dalam beberapa projek mega kerajaan sebelum ini.

"Kita teruskan sahaja seperti yang sudah dibincangkan daripada



Dulu memang sudah ada dan kini, kita mahu kuatkuasakan dengan mengadakan pasukan petugas (bagi setiap projek terbabit)"

Dr Ali Hamsa,
Ketua Setiausaha Negara

projek mega (sebelum ini), sekarang bagi projek RM500 juta dan ke atas pula.

Banteras penyelewengan

"Dulu memang sudah ada dan kini, kita mahu kuatkuasakan dengan mengadakan pasukan petugas (bagi setiap projek terbabit)," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri Persidangan Tahunan Agama 'Menyemai Kasih di Dunia, Menuai Cinta di Syurga' anjuran Persatuan Surid dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA). Yang turut hadir, Yang Dipertua PUSPANITA, Puan Sri Rohani Abdullah.

Pada majlis itu, Ali, yang juga Penasihat PUSPANITA, menyampaikan sumbangan kebajikan ber-

jumlah RM130,000 kepada 41 pusat kegiatan warga emas dan sembilan sekolah rendah serta menengah yang mempunyai kelas pendidikan khas.

Minggu lalu, Ali mencadangkan supaya projek kerajaan dengan kos RM500 juta ke atas turut disertai Ketua Audit Negara dan SPRM bagi membanteras rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa.

Dalam pada itu, Ali berkata, gred pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Anisah Ali, 54, yang maut dilanggar kenderaan tonto ketika bertugas mengejar penyeludup rokok di Rantau Panjang, Kelantan, Ahad lalu akan dinaikkan gred daripada Gred 22 kepada 26, seperti yang dicadangkan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).